



SIARAN MEDIA

KERJASAMA STRATEGIK MELEBARKAN JARINGAN PERLINDUNGAN SURI RUMAH DAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN PERKESO

KEPALA BATAS, PULAU PINANG – Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) memperluaskan lagi liputan perlindungan kepada suri rumah dan jangkauan perkhidmatan pekerjaannya di negara ini menerusi kerjasama strategik.

Bersandarkan perkongsian visi dalam pemerksaan wanita, **PERKESO** telah menjalin kolaborasi dengan **HAWA Malaysia** untuk memperkukuhkan siri jelajah karnival pekerjaan dan perlindungan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (**SKSSR**). Kerjasama ini telah melahirkan **Karnival Kerjaya MYFutureJobs Bersama HAWA Malaysia "Perkasa Wanita dan Keluarga"** yang membuka tirainya buat pertama kali di Negeri Pulau Pinang.

Program dua hari yang diadakan di **Perkarangan Dewan Milenium, Kepala Batas**, telah dirasmikan oleh **Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi** pada hari ini. Karnival yang akan berakhir esok, 6 Ogos 2023, telah menarik penyertaan **30 majikan** dari pelbagai sektor ekonomi yang menawarkan sebanyak **3,974 peluang pekerjaan**.

Penganjuran program kali ini cukup istimewa kerana ia **melibatkan kolaborasi dan sokongan padu HAWA Malaysia kepada Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO** dalam membantu golongan pekerja khususnya golongan wanita di negara ini untuk mendapatkan peluang pekerjaan bagi meningkatkan sosio ekonomi mereka. Di samping itu, **HAWA Malaysia** ini juga akan membantu dalam menyebarkan perlindungan keselamatan sosial suri rumah kepada wanita di seluruh negara.

Disamping itu bagi memastikan perkhidmatan pekerjaan diperluaskan, peranan Portal **MYFutureJobs** iaitu portal pekerjaan negara akan terus diperkasakan. Berdasarkan Data portal **MYFutureJobs** menunjukkan bahawa sejak **Januari 2020 hingga 21 Julai 2023**,

seramai **884,688** rakyat tempatan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi perkhidmatan pekerjaan PERKESO. Daripada jumlah tersebut, **72,374** adalah pencari kerja di negeri **Pulau Pinang**, di mana **32,711** orang adalah **wanita**. Pada tahun **2023 setakat 21 Julai**, seramai **108,177** pencari kerja berjaya ditempatkan dalam pekerjaan di seluruh negara, termasuk **8,170** orang dari Pulau Pinang. Hampir separuh daripada jumlah di negeri ini adalah wanita, iaitu **3,761** orang.

Sejak SKSSR dilaksanakan pada **1 Disember 2022 hingga 31 Julai 2023**, seramai **182,425 orang suri rumah** telah mencarum dengan skim ini, termasuk **166,666** suri rumah dari keluarga B40 yang bayaran **caruman mereka dibiayai Kerajaan**.

Dalam tempoh lapan bulan tersebut, seramai **11,321** orang suri rumah di **Pulau Pinang** dilindungi SKSSR, di mana **1,198** orang mencarum secara **sukarela** manakala **10,123** lagi caruman **dibiayai Kerajaan**. Suri rumah atau para suami dan pihak ketiga hanya perlu membayar **RM120 caruman** SKSSR untuk perlindungan selama **setahun**.

Bagi rakyat tempatan yang sedang meninjau peluang pekerjaan, sila berdaftar di Portal MYFutureJobs www.myfuturejobs.gov.my. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila rujuk laman web rasmi PERKESO www.perkeso.gov.my atau hubungi Careline PERKESO di 1-300-22-8000 atau e-mel perkeso@perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL KORPORAT

5 Ogos 2023

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

Hamisah Hamid

+6019-383 3605

hamisah.hamid@perkeso.gov.my